



SEKTOR MAKANAN NANAS (PKP)

Merangkumi

1. Perladangan nanas
2. Penghantaran buah nanas ke kilang.
3. Pemasaran buah nanas
4. Pemprosesan dan jualan Industri asas tani berasaskan nanas.

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam Senarai Aktiviti yang Dilarang.
- Operasi di kawasan PKPD

Arahan Tetap

- Peraturan 15 P.U. (A) 8/2021
- Tertakluk kepada peraturan di dalam SOP umum MKN mengenai PKP, PKPB dan PKPP.
- Tertakluk kepada peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa.

Waktu Beroperasi:

Normal

Waktu Kehadiran Pelanggan:

Normal

Kapasiti Pekerja:

Pengurusan: 30%.
Operasi dan Sokongan:
Ditentukan oleh majikan.

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Penjarakan fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa urusan.
Saringan kesihatan dan pemakaian pelitup muka (<i>face mask</i>)	Menyaring suhu badan pekerja pada awal waktu bekerja dan mewajibkan pemakaian pelitup muka (<i>face mask</i>) kepada pekerja. Pekerja dengan suhu badan melebihi 37.5° Celcius atau menunjukkan simptom seperti sakit tekak, batuk atau susah bernafas tidak dibenarkan bertugas.
Pembersihan dan nyahkuman	Menggunakan cecair pencuci yang sesuai, setiap hari (sebelum atau selepas operasi).
Jarak antara pelanggan	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter semasa pembelian dan hadkan bilangan pelanggan bergantung kepada keluasan ruang.
Aplikasi MySejahtera	Pekerja dan pelanggan memuat turun dan mendaftar aplikasi MySejahtera ke dalam telefon bimbit masing-masing atau menulis nama dan no. telefon secara manual untuk pengesanan kontak rapat.